
[Bil.6 Nov 2018](#)

Canselor UMP saran perkukuh budaya kebahagiaan dan integriti

“Penyesuaian strategik universiti hendaklah mengutamakan aspek ketelusan urus tadbir berpaksikan integriti dan tidak boleh dikompromi oleh kepimpinan universiti.

“Malahan, aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan sistem pendidikan yang bersejarah, kasih sayang, kemanusiaan dan hormat-menghormati adalah amat tepat pada masanya.

“Budaya murni tersebut tidak hanya relevan dalam memperkaya pengalaman kampus mahasiswa kita, projek kemasyarakatan UMP sama ada di dalam atau di luar negara,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Abdulhamid Al-Hajj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah yang merupakan Canselor UMP dalam ucapan yang berlangsung di UMP Kampus Gambang pada 10 November 2018 yang lalu.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad dan Naib Canselor UMP, Profesa

Titah Baginda, dalam pada itu, jaringan strategik dan profesional juga tidak hanya penting dalam konteks aspek pemajuan mahasiswa, pengembangan penyelidikan serta pengimarah ekosistem wakaf dan endow

Justeru, baginda berharap supaya kepimpinan UMP memberikan perhatian khusus kepada inisiatif *Industry 4.0* medium interaksi strategik para alumni secara *intra-cluster* dan *inter-cluster* demi manfaat kerjaya dan pem

“Ia juga merupakan satu cabaran kepada graduan untuk mula memikirkan sumbangan balas kepada UMP dan mereka kini,” titah baginda.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Elektronik) ke atas Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepimpinan beliau yang kini menyandang Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia (USM).

Majlis juga menyaksikan seramai 28 orang penerima anugerah dan hadiah kecemerlangan universiti atas prestasi komuniti serta kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) diberikan kepada Shan dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dan Umi Zaidatul Azeera Mohd Nawi dari Fakulti Sistem Komp

Manakala Tan Jia Shun dari FPI dinobatkan Anugerah Canselor dan Lee Wei Keat dari FSKKP menerima

Lain-Lain anugerah adalah Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat-Program Profesional/

Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al Haj Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar dan Kumaran A/L Alagamuthu

Manakala anugerah lain termasuklah Anugerah Emas, Anugerah Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yus Prihatin Komuniti Puspanita, Anugerah Kecemerlangan Hei Tech, Anugerah Kecemerlangan Ir. Kee Bo Industrial Berhad, Anugerah Kecemerlangan Telekom Malaysia Berhad, Anugerah Kecemerlangan Perc Bid dan Anugerah Kecemerlangan Soho Niaga. Manakala hadiah kecemerlangan industri adalah Hadiah Kecemerlangan Program Dwijjazah sumbangan *Association of German Engineers*, Hadiah Kecemerlangan Hadiah Kecemerlangan Setegap Ventures Petroleum Sdn. Bhd.

Seramai 652 graduan diijazahkan dalam Sesi Pertama Majlis Konvokesyen yang turut dihadiri pelajar s menerima manfaat daripada *Bridge of Love Project @ KP House* kelolaan UMP di perkampungan nelayan

UMP meraikan seramai 2,773 graduan yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam e hari.

Seramai 2,773 dirai dalam majlis yang berlangsung dengan empat sidang. Daripada jumlah ini seramai 6 Kedoktoran (PhD), 172 orang graduan Sarjana, 221 graduan Sarjana Eksekutif, 52 orang Bacelor Eksek graduan Dwijjazah, 270 orang graduan Diploma dan 242 orang graduan Diploma Eksekutif membabitkan s

UMP *Valid8* bagi 2,773 graduan dilengkapi Teknologi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi Universiti Awam (UA) pertama di Malaysia yang menggunakan Perakuan Sijil UMP *Valid8* yang bakal memanfaatkan 2,773 graduan yang bergraduasi dalam Majlis Konvokesyen 10 dan 11 November 2018 yang lalu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, UMP *Valid8* merupakan satu aplikasi Kod QR yang akan digunakan untuk mengesahkan sijil ijazah graduan.

“Setiap sijil dilengkapi satu Kod QR yang unik bagi memastikan kesahihan sijil graduan berkenaan. Dengan memaparkan gambar graduan, nama penuh, program pengajian dan tahun anugerah.

“Kod QR itu sendiri akan menjadi satu rangkaian rekod data blockchain yang sulit yang mana ianya menyimpan Teknologi *Blockchain*.

“Sistem yang dibangunkan ini mempunyai fungsi yang merekodkan maklumat pendidikan graduan UMP. Dengan mengesahkan kesahihan sesebuah ijazah menggunakan Kod QR pada ijazah tersebut. Semua data graduan tidak dapat digodam atau dipalsukan,” katanya.

Selain itu juga, majlis konvokesyen kali ini juga buat pertama kalinya UMP juga memperkenalkan e-Book seiring dengan penggunaan teknologi, para ibu bapa, graduan, pelajar dan orang ramai boleh mendaftar konvokesyen dalam *e-Book* menggunakan aplikasi UMP Konvo dengan capaian Android (versi 4.0 ke atas).

Malahan Projek Perintis ini dijalankan pihak Pusat Kecemerlangan IBM yang mempunyai kepakaran IT bekerjasama pihak Fakulti Pengurusan Industri (FIM) yang mempunyai kepakaran dalam *Supply Chain*.

Malahan, berkongsi kepakaran universiti ini turut juga meneroka potensi Teknologi Blockchains bagi membekalkan halal yang berdaya saing selain mensasarkan untuk merekabentuk sistem teknikal berkaitan industri.

Penggunaan aplikasi ini akan digunakan lebih luas dalam ekosistem Institusi Pendidikan Tinggi Negara dan Malaysia serta di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Dengan kepakaran ini, UMP juga turut menawarkan khidmat *Blockchain Certificate Authentication* kepada institusi berkolaborasi.

Adinda Sultan Pahang terima Anugerah Profesional Pembelajaran

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Walaupun sibuk dengan kerjaya dalam bidang peniagaan dan menjawat sebagai Pegawai Pemerintah Wataniah, bukan halangan buat Leftenan Kolonel Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al-Haj Ibni AlMarhum menyambung pengajian Master Eksekutif Pengurusan Projek di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau yang merupakan adinda Sultan Pahang juga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Profesional dikurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Billah yang merupakan Canselor UMP dalam Majlis Konvokesyen UMP Ke-13 yang berlangsung di November 2018 yang lalu.

Tengku Dato' Sri Kamarulzaman juga berhasrat untuk meneruskan pengajian kedoktoran pada masa akan datang agar belajarliah untuk menimba ilmu untuk meningkatkan kemahiran dan memajukan diri sendiri serta kerjaya.

Turut menerima anugerah yang sama ialah ialah Kumaran A/L Alagamuthu Nadar yang merupakan Pegawai Kesihatan dan Persekitaran yang kini kerkhidmat sebagai Pengurus di Daya CMT Sdn. Bhd.

Bagi Kumaran, beliau amat mengutamakan disiplin dan pengurusan masa yang efektif untuk mencapai keajaiban.

“Saya percaya jika kita mempunyai disiplin yang baik, ia akan membentuk jati diri yang cemerlang dan kita akan berjaya.”

“Pengalaman menimba ilmu di UMP akan menjadi kenangan yang paling manis dalam hidup kerana di sini kita dapat mengadakan perbincangan serta tenaga pengajar juga terdiri dalam kalangan profesional yang hebat.

“Harapan saya pada suatu hari nanti untuk bergelar seorang Profesor dan melatih lebih ramai graduan dalam bidang ini.”

Beliau tidak menyangka dipilih sebagai penerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Karier dan dianugerahkan buat graduan UMP Advanced Education.

Baginya, mereka yang bekerja perlu mengambil peluang untuk menambah baik diri dan meningkatkan kemahiran.

“Malahan golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberi sumbangan kepada masyarakat dan mempelbagaikan kemahiran,” ujar beliau.

Joanne 7 kali Anugerah Dekan terima Anugerah Profesional Pembelajaran

Joanne Bong Shan Shan, 24 yang menamatkan pengajian Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan kepujian dan dinobatkan penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen Ke-100. Beliau bukan halangan baginya cemerlang akademik dengan meraih PNGK 3.90 dan pernah menerima Anugerah Anugerah pengajian.

Anak kelahiran Kuching, Sarawak ini bergiat aktif dan diamanahkan untuk memegang jawatan penting dalam organisasi.

Joanne yang juga merupakan bekas bendahari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP bagi dua sesi ini. Beliau melihat peluangnya semakin terbuka luas kerana dapat menyertai dan menguruskan pelbagai jenis program.

Beliau juga pernah merangkul Anugerah Srikandi 2015, Anugerah Tunas Harapan 2017, dan tiga program Anugerah (Kategori Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar).

Selain itu, beliau juga adalah Exco Pembangunan Mahasiswa PEKA3 2014/2015, Penasihat MPP *Chinese Students' Association* Expoconvo 2016, Bendahari Minggu Induksi Siswa (MINDS) 2017, Timbalan Pengarah UMP *Career Fair* dan *Management Perspective of Bauxite Residue*, peserta maraton yang aktif dan finalis Anugerah Kokurikulum.

Anak bongsu kepada pasangan Bong Shoot Fatt, 64, seorang pesara dan Yen Ye Guak, 60, suri rumah ini berkecimpung dalam beberapa syarikat besar seperti KPMG International Cooperative kerana ingin pulang ke Kuching.

“Melalui pengalaman ini, saya berpeluang bertemu dengan ramai orang yang berpengaruh, bermotivasi dan dengan pengalaman kampus dan belajar di UMP kerana apabila pelajar mempunyai masalah, pensyarah akan membantu menyelesaikan masalah. Mereka bukan sahaja pensyarah, tetapi juga kawan kepada para pelajar,” katanya.

Sumber motivasi beliau adalah daripada sebuah buku bertajuk *‘The Secret’* oleh Rhonda Byrne. Buku itu dapat mengubah dunia secara langsung. Apa yang kita mahukan ia berlaku, pasti akan berlaku.

Pada tahun akhir pengajian, beliau telah membentangkan Projek Sarjana Muda bertajuk *‘Quality Management in Herbal Company: The Role of Organisational Citizenship Behaviour as Mediator’*.

Beliau kini bertugas sebagai Penganalisis Digital di Orion Social Media Sdn. Bhd, Kuala Lumpur yang m platform digital seperti Facebook, Instagram dan Google.

Antara yang dilakukan beliau adalah menyediakan cadangan tender, mencari pelanggan berpotensi, men digital, pengurusan krisis, menganalisis dan melaporkan data.

Beliau berpendapat, apa yang dipelajari sewaktu di UMP sangat membantunya iaitu daripada men perubahan pengurusan.

“Sebagai seorang graduan pengurusan projek, sewaktu mula bekerja, beliau langsung tidak tahu tentang p

“Namun begitu, saya sanggup belajar sehingga berjaya. Ini kerana kehidupan adalah lengkung pelaja walaupun ada yang dilakukannya tidak betul, tetapi daripada situlah saya belajar,” katanya.

Harapannya bukanlah wang ringgit, rumah, kereta dan kehidupan yang mewah. Beliau hanya mahukan perbuatannya akan memberi kesan dan inspirasi kepada orang lain.

Anak peneroka Felda dinobatkan penerima Anugerah I

Kesungguhan kedua-dua ibu bapa Umi Zaidatul Azeera Mohd Nawi, 23 menyediakan pendidikan yang mempunyai pendidikan yang tinggi merupakan satu titik keinsafan buat penerima Anugerah Pelajaran D Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 pada 10 November 2018 yang lalu untuk tidak bers

Jerit perih kedua-dua ibu bapanya, Mohd Nawī Abdul Latif, 55 dan Sabariah Anang, 55, penerok membesarkan beliau dan adik-beradiknya terus membakar semangat beliau untuk mencorak kehidupan mengangkat martabat anak-anak Felda untuk berjaya dalam pelbagai lapangan.

Selain ibu bapanya, dorongan dan ilmu daripada pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan juga merupakan

Anak kelahiran Dungun, Terengganu dan dibesarkan di Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya, Terengganu m Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan Kepujian daripada Fakulti Sistem Komputer & Ke 3.75.

Selain berjaya memperoleh Anugerah Dekan bagi setiap semester sepanjang pengajian di UMP, anak ke memperoleh Anugerah Tokoh Fakulti (FSKKP) pada tahun 2017.

Penglibatan aktif beliau dalam pelbagai program dan persatuan turut membantu mengasah bakat kepimpri keberibadian diri agar lebih yakin, berani serta berkepimpinan untuk menjadi mahasiswa lebih berdaya pelbagai jawatan penting antaranya, Setiausaha Kelab Alam Sekitar & Lestari (EcoSiswa) – sesi 2016 Week 2017, Setiausaha, Forum ICT Ke Arah Hijau, Setiausaha Program *Away From Keyboard* 2016, Ex Program Semaian Budi (Pendang, Kedah), dan Exco Kelas Bimbingan ICT Kanak-kanak istimewa 2015.

Selain itu, beliau juga menjadi sukarelawan dalam *Candy Pencil Project in Sarawak* dan peserta bagi T Forum with Sultan Ahmad Shah *Environmental Trust* (SASET).

Menurut Umi, silibus pembelajaran UMP yang tidak hanya mengutamakan teori semata-mata, tetapi mencorak graduan yang lengkap dengan ilmu kemahiran teknikal sejajar dengan kefahaman teori.

“Kemahiran kebolehkkerjaan ini telah membantu para graduan untuk bersaing menempatkan diri dalam s berbangga dengan pencapaian UMP yang berada di tangga ke-188 terbaik Asia.

Beliau yang kini menjawat jawatan sebagai Juruanalisis IT *Event Monitoring (Network)* di Intel Corporation dengan segala peluang dan tanggungjawab yang pernah diberikan sepanjang pengajian sehingga beliau syarikat ternama di Malaysia.

Beliau merasakan skop kerjanya sekarang adalah sesuai dan bertepatan dengan silibus yang telah dipelaja

Harapannya, agar dapat menjadi seorang insan yang berguna, mampu berkhidmat untuk masyarakat se generasi muda.

Rahmad Mega restu minat anak dalam bidang Ke

Suhazri Amrin Rahmad, 23 yang merupakan anak kepada penyanyi rock yang terkenal di Malaysia era 90. Rahmad Mega telah menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) pada M Gambang pada 10 dan 11 November 2018 yang lalu.

Suhazri Amrin yang merupakan anak sulung kepada penyanyi itu berkata kejayaan pada hari ini ingin c banyak memberi dorongan selama ini.

Suhazri turut berkongsi rahsia kejayaannya agar tidak malu untuk bertanya dan sentiasa berusaha keras u

Beliau yang kini sedang menyambung pengajiannya di peringkat Sarjana Sains di UMP itu berkata menja sahaja.

Beliau bercita-cita ingin menjadi seorang jurutera atau seorang pensyarah suatu hari nanti.

Manakala menurut Rahmad, beliau amat bersyukur dengan pencapaian anaknya dalam bidang akademik terus melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan.

“Saya sentiasa menyokong minat anak-anak yang lebih cenderung dalam bidang akademik dan saya tercapai,” katanya.

Rahmad turut membuat kejutan dengan mendendangkan lagu 'Bayangan Gurauan' di atas pentas.

Anaknya yang terharu dengan persembahan ayahnya telah naik ke pentas dan memeluk ayahnya.

“Saya tak sangka ayah menyanyi dalam majlis konvokesyen hari ini,” kata Suhazri.

Hadirin yang melihat detik itu tersentuh dan memberikan tepukan kepada mereka.

Bapa empat anak, sembilan cucu terima Sarjana Ekse

Mohamed Hamdan A. Aziz, 61 yang merupakan bapa kepada empat anak dan sembilan cucu berkata, beliau namun tidak dapat melanjutkan pelajaran semasa muda disebabkan keluarganya hanya bergantung kepada getah.

Mohamed Hamdan yang merupakan seorang pegawai kesihatan dan keselamatan pekerjaan sebuah syarikat, memperoleh Sarjana Eksekutif Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran pada Majlis Konvokesyen Universiti UMP dan 11 November 2018 yang lalu sebagai 'membayar hutang kepada diri sendiri'.

Menurutnya, beliau tak mampu untuk belajar masa muda sebab susah tapi niat untuk memiliki Sarjana sendiri, saya cabar diri untuk capai impian itu.

"Sebelum menyambung pelajaran, saya ada menyuruh salah seorang anak untuk dapat Sarjana, tapi dia tak belajar.

"Jadi saya fikir, jika anak tak mahu, apa salahnya ayah yang sambung belajar," katanya.

Mohamed Hamdan yang berasal dari Johor Bahru, Johor juga berkata ijazah itu juga hadiah kepada isteri dan berputus memberi semangat kepadanya supaya tidak berputus asa dan faham bahawa setiap hujung minggu

"Ternyata bukan mudah sebenarnya kerana saya perlu mengikut rentak orang muda yang lebih cepat, saya perlu setanding dengan mereka supaya dapat menimba ilmu," katanya.

Pasangan kembar seiras terima ijazah UMP se

Pasangan kembar seiras antara penerima ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Mekanikal pada Majlis Konvokesyen Ke-13 pada 10 hingga 11 November 2018 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Farah Alia Fauzi, 27 dan Farah Ayuni Fauzi, 27, merupakan pelajar kembar seiras yang tidak pernah berpisah.

Kedua-dua mereka bercita-cita ingin menjadi tenaga pengajar sejak di bangku sekolah mengikuti jejak lair mereka berkhidmat sebagai guru.

Menjadi rezeki buat mereka apabila berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dan lebih cepat dari yang dijangka.

Farah Ayuni kini bertugas di sebuah syarikat swasta sebagai Pegawai Projek di Seri Kembangan, Selangor, manakala Farah Alia bertugas sebagai Pembantu Penyelidik secara sambilan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

“Memang kami tidak pernah berenggang, sampailah dapat tempat kerja di negeri yang sama,” kata Farah Alia yang kini bertugas di Pulau Chondong, Kelantan ketika ditemui selepas menerima ijazah masing-masing pada konvokesyen itu.

Menurut Farah Ayuni lagi, beliau dan adiknya masing-masing bekerja keras untuk cemerlang dalam pelajaran dan membuktikan kemampuan mereka kepada ibunya, Rohani Hamat, 50 dan bapa yang berkorban selama ini.

“Menjadi tanggungjawab anak sulung dalam keluarga dalam membantu meringankan beban keluarga serta adik-adik yang lain.

“Kejayaan hari ini juga adalah berkat doa daripada ibu bapa mereka.

“Kami sering bertukar-tukar pandangan dan selalu mengulangkaji pelajaran bersama apatah lagi kami saling membantu untuk memudahkan kami,” katanya.

Tambah beliau lagi, tanpa pelajaran dan ilmu pengetahuan, kita tidak mampu untuk bersaing. Tambahan lagi, kita harus lebih dahulu dan akan menyambung pelajaran ke peringkat kedoktoran (PhD) suatu hari nanti.

2 sahabat terima Hadiah Kecemerlangan Program Dwijazah (Veritas Award)

Menjadi kenangan manis kepada dua sahabat ini apabila mendapat Hadiah Kecemerlangan Program *Award*) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-13 pada 10 dan 11 November 201

Penerima anugerah tersebut adalah Nor Amirah Mohamad Radzuan, 24 dan Nur Syakiroh Saidin, 24 penerima Program Kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman dari Fakulti Kejuruteraan Pe

Dua sahabat yang berasal dari Kuala Lumpur itu berkongsi pengalaman semasa mengikuti kursus bahasa

Ujar Syakiroh, mereka perlu bertutur sepenuhnya dalam bahasa Jerman agar lebih cepat untuk memahar menguasai subjek pengajiannya.

“Dalam masa yang sama, kami dapat praktikan perbualan harian dengan penduduk-penduduk di sana.

Kursus ini adalah wajib bagi memahirkan kami pelajar-pelajar untuk menduduki peperiksaan dalam bahasa

Nur Syakiroh Saidin anak kedua daripada tiga beradik ini amat tegas dalam melakukan sesuatu perkara berkhidmat sebagai anggota polis.

Banyak pengalaman yang ditimba di UMP telah membina jati dirinya sekarang. Beliau merupakan penerima daripada 9 semester. Malah beliau juga bergiat aktif dalam menjalani aktiviti yang dijalankan semasa berac

Manakala Nur Amirah Mohamad Radzuan pula anak bongsu dari tiga beradik ini berpegang prinsip sentiasa redha Allah SWT ada pada mereka.

Baginya, pengalaman pahit yang ditempuh semasa pengajian di UMP mengajarnya untuk lebih menghar untuk berhadapan dengan alam pekerjaan selepas bergraduasi.

'Have a goal in life and struggle to achieve the goal' menjadi pegangan dalam hidupnya.

Baginya, setiap kenangan di UMP yang persekitarannya yang segar dan nyaman tidak akan saya peroleh di

Konsert *Jimba Fest Tour* tutup tirai Expoconv

Pesta Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu Expoconvo yang memasuki edisi ke-13 menjangkau ke seluruh kampus dan masyarakat setempat.

Lebih 1,000 orang hadir menyaksikan Konsert *Jimba Fest Tour* yang menampilkan artis seperti Datin Alyah. Acara ini dianjurkan oleh pihak Digi dan Warner Music sebagai menutup tirai Expokonvo yang mendapat tajaan penganjuran oleh pihak Saham Nasional Berhad (ASNB).

Kesempatan yang terbuka sepanjang Expoconvo dan Majlis Konvokesyen UMP Ke-13 membolehkan pelajar, graduan dan orang ramai berkunjung dan mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan.

Bertemakan '*Recalling Memories*', Expoconvo kali ini menyajikan pelbagai aktiviti menarik di samping turut serta berturut-turut bersama-sama memeriahkan Majlis Konvokesyen pada kali ini.

Pengarah Program Pesta Konvokesyen Ke-13, Siti Aisyah Dermawanshah berkata penganjuran kali ini termasuk seperti *Kid Zone*, Pertandingan Hiasan Kek, Jom Makan Buah, UMP *Got Talent* dan Pertandingan Masukan Kreatif masyarakat setempat.

"Expoconvo telah bermula sebulan lebih awal dengan penganjuran Santai Seni Warisan, *Zumbathon*, *Black Pride* dan Kesedaran LGBT turut mendapat sambutan yang meriah.

"Mereka juga dapat mengenali UMP dengan lebih dekat dan merasai pengalaman kampus. Ia juga memberi kesan dalam memasyarakatkan universiti dengan komuniti sekitar," katanya.

Tambah Aisyah lagi, bagi menarik minat pelajar sekolah untuk turut serta di samping memperkasakan Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), turut diadakan *showcase* bagi pemenang Pahang *Hackacton 2018* untuk tontonan orang ramai.

Dalam pada itu turut berlangsung jualan amal pakaian, tudung, aksesori wanita dan lain-lain hasil sumbangan yang bertujuan semangat membantu insan lain.

Sebanyak 63 buah gerai peniaga termasuk *Food Truck* disediakan sebagai kemudahan untuk memeriahkan acara.

Orang ramai juga tidak melepaskan peluang mendapatkan maklumat mengenai rumah PRIMA di samping pameran *Urban Transformation Centre (UTC)*, Kuantan di tapak Expoconvo.

- 285 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

